29 DEC 2001
Abdullah-Sun (Bergambar)
EDITOR SUN LETAK JAWATAN BUKAN ATAS ARAHAN SAYA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau tidak pernah mengarahkan ketua pengarang dan editor akhbar The Sun meletakkan jawatan masing-masing kerana menyiarkan berita mengenai dakwaan satu pakatan membunuh beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak memberikan arahan tertentu. Saya hanya menyerahkan kepada ketua setiausaha (Kementerian Dalam Negeri) Datuk Seri Aseh Che Mat untuk bercakap dengan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan Hari Raya anjuran Persatuan Wartawan Melayu di sini hari ini.

Abdullah ditanya pemberita sama ada peletakan jawatan Ketua Pengarang The Sun H'ng Hung Yong dan Editornya Andy Ng adalah atas arahan beliau sebagai Menteri Dalam Negeri.

Katanya The Sun telah meminta maaf atas berita itu dan kementerian menerimanya dan begitu juga Dr Mahathir.

"Kami hanya mahu tahu di mana mereka mendapat maklumat itu dan kenapa mereka memutuskan untuk menyiarkannya di muka depan," katanya.

H'ng dan Ng meletakkan jawatan kerana mengambil tanggungjawab atas berita itu yang disiarkan The Sun pada hari Krismas.

Dr Mahathir semasa mengulas laporan The Sun itu keesokannya, berkata beliau sedih dengan laporan yang disensasikan itu kerana ia boleh menjejaskan ekonomi Malaysia dan memberi gambaran buruk terhadap negara ini.

Berita The Sun itu memetik sumber yang tidak dinamakan.

Abdullah berkata kementerian berkenaan belum memutuskan sebarang tindakan terhadap The Sun.

Kira-kira 1,000 orang termasuk 200 anak yatim menghadiri perjumpaan Hari Raya itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata kerajaan dan orang ramai boleh membantu dan mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak yatim kerana negara makmur.

"Anak-anak ini akan dapat membesar dengan baik tanpa ibu bapa. Yang penting kita dapat yakinkan mereka bahawa mereka disayangi dan bila besar nanti mereka akan menjadi anggota masyarakat yang maju," katanya.

Perjumpaan itu dihoskan deejay radio Helmi "The Gimmick" sementara anggota Parlimen Bagan Datoh Datuk Zahid Hamidi menyumbang RM15 "duit Raya" kepada setiap anak yatim.

Kanak-kanak itu turut menerima beg sekolah daripada Converse AllStar.

-- BERNAMA

SLR AFY RON